

Tiada projek mega dalam tambahan RM10b — PM

UM - 26/6/2004 = 1

Oleh MOHD. KAMIL YUSUFF,
ROZILAN SALLEH dan
JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 24 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tidak ada projek mega terlibat dalam cadangan peruntukan tambahan RM10 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) seperti yang diputuskan dalam mesyuarat Kabinet semalam.

Sebaliknya Perdana Menteri menegaskan, peruntukan tambahan itu adalah bagi membiayai projek yang menjadi keutamaan untuk menjana ekonomi demi kepentingan rakyat.

Katanya, ini adalah selaras dengan tujuan untuk memenuhi janji-janji kerajaan semasa pilihan raya umum lepas.

“Saya mahu jelaskan bahawa kita beri keutamaan (kepada projek-projek ini). Senarainya ialah projek yang dapat membantu rakyat menyelesaikan masalah sosial, meningkatkan ekonomi mereka,” katanya.

Beliau yang juga Pemangku Presiden UMNO berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat

Majlis Tertinggi (MT) UMNO, di Ibu Pejabat UMNO di sini hari ini.

Abdullah berkata, cadangan peruntukan tambahan itu tidak bertentangan dengan peraturan Parlimen kerana ia perlu dibawa untuk kelulusan terlebih dahulu.

“Bukan kita tidak tahu peraturan Parlimen. Sebelum dibawa ke Parlimen, kita mesti dapatkan persetujuan Kabinet terlebih dahulu,” ujarnya.

Beliau menegaskan, peruntukan tambahan itu adalah cukup untuk melaksanakan projek-projek besar atau kecil.

Pada sidang akhbar itu juga, Abdullah memberitahu, kedudukan ekonomi negara adalah baik dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku tahun pertama mencatat pertumbuhan 7.6 peratus.

“Kalau kita boleh capai angka yang tinggi pada suku tahun kedua, maka ada harapan capai pertumbuhan lebih tinggi pada tahun ini.

Perdana Menteri memberitahu, mesyuarat Kabinet semalam bersetuju mengurangkan defisit secara beransur-ansur

selaras dengan langkah penguurusan ekonomi negara secara berhemah.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata, kerajaan memutuskan untuk meningkatkan had maksimum peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) RM10 bilion menjadikannya RM170 bilion.

Berjimat

Menurutnya, langkah itu untuk memastikan semua projek berkeutamaan tinggi akan terus dilaksanakan yang tertakluk kepada dasar fiskal kerajaan pada masa ini iaitu penguurusan kewangan berhemat dan langkah berjimat cermat.

Katanya, pelaksanaan projek berkeutamaan tinggi itu akan menjana aktiviti ekonomi ke arah mencapai agenda sosioekonomi dan Wawasan 2020.

Beliau berkata, pembiayaan had maksimum tambahan itu tidak akan menimbulkan sebarang masalah memandangkan mudah tunai yang mencukupi dalam ekonomi.

“Meskipun terdapat penambahan had maksimum pembangunan, defisit sebagai nisbah kepada KDNK akan mengecil dalam baki tempoh RMK-8 dan RMK-9.

“Defisit dijangka berada di sekitar 4 peratus daripada KDNK tahun depan dan akan terus berkurangan pada tahun-tahun berikutnya,” katanya.

Menurut Mustapa lagi, pemilihan projek akan datang adalah berasaskan pertimbangan ekonomi serta sosioekonomi yang boleh menyumbang kepada kualiti hidup yang lebih tinggi dan mengurangkan kemiskinan.

Pemilihan juga, ujarnya, akan berasaskan analisis kosfaedah serta mengambil kira kesan pengganda dan limpahan yang tinggi.

Untuk mencergaskan sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan, ujar beliau, kerajaan akan meneruskan dasar-dasar pro-perniagaan termasuk meneruskan langkah deregulasi ekonomi serta mengenal pasti sumber pertumbuhan baru dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.